

Tarikh Dibaca: 14 APRIL 2023M | 23 RAMADHAN 1444H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“JOM TUNAIKAN ZAKAT FITRAH
DENGAN ILMU DAN KEFAHAMAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“JOM TUNAIKAN ZAKAT FITRAH DENGAN ILMU DAN KEFAHAMAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا
لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Di bulan Ramadhan yang mulia ini, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ al-Baqarah: 110.

² ali-Imran: 102.



Khutbah pada hari ini adalah bertajuk **“JOM TUNAIKAN ZAKAT FITRAH DENGAN ILMU DAN KEFAHAMAN.”**

Hadirin yang dirahmati Allah,

Zakat Fitrah adalah satu ibadah yang berkait dengan harta, biarpun ia disebut sebagai zakat badan. Ini kerana, kita dituntut untuk mengeluarkannya dengan satu gantang makanan, dan syarat untuk mengeluarkannya juga mestilah seseorang itu mempunyai makanan yang mencukupi bagi dirinya dan tanggungannya pada satu Syawal.

Pada hari ini, untuk memberikan kemudahan kepada semua pihak, maka fatwa membenarkan kita mengeluarkan Zakat Fitrah dengan wang ringgit, iaitu nilai satu gantang Baghdad atau kira-kira 2.6 kilogram makanan asasi itu telah ditukarkan kepada harganya dalam nilai RM7 seorang.

Oleh kerana Zakat Fitrah ini adalah satu ibadah yang melibatkan harta, maka sebaik-baiknya ia hendaklah ditunaikan dengan penuh rasa kemurahan hati. Tidak menjadi satu kesalahan bagi sesiapa pun untuk melebihkan harga bayaran Zakat Fitrah, kerana ia menggambarkan sikap seseorang yang amat menyayangi kaum fakir miskin dan mengharapkan kegembiraan bagi mereka pada hari raya.

Atas dasar itulah, fatwa juga menggalakkan agar kita menunaikan Zakat Fitrah mengikut harga sebenar jenis beras yang kita makan, sama ada RM7, atau RM14 atau RM21 setiap orang. Perbuatan ini hakikatnya pernah dilakukan dalam kalangan sahabat nabi sendiri, yang mana mereka juga memilih untuk membayar Zakat Fitrah mengikut jenis makanan yang mereka makan.



Kaum Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Zakat Fitrah itu juga mempunyai waktu yang tertentu untuk ditunaikan. Umumnya umat Islam sering menunggu waktu yang terakhir untuk menunaikan Zakat Fitrah, khususnya pada pagi satu Syawal. Alasannya, itulah waktu yang paling afdal untuk membayar Zakat Fitrah. Hakikatnya, fatwa telah menyatakan bahawa membayar Zakat Fitrah itu boleh dimulakan lebih awal, iaitu bermula dari malam satu Ramadhan sehinggalah ke hari terakhir Ramadhan. Perbuatan menangguhkan Zakat Fitrah sehingga ke pagi satu Syawal sebenarnya mempunyai banyak risiko .

Antaranya, orang berkenaan boleh jadi terlupa menunaikannya kerana kesibukan persiapan di pagi raya. Boleh jadi juga, pihak Penolong Amil Fitrah yang bertugas juga disibukkan dengan aktiviti lain, sehingga mereka juga sukar menerima bayaran saat akhir. Malah sering terjadi, resit kutipan Zakat Fitrah telah habis sehingga pihak Penolong Amil Fitrah enggan menerima bayaran berkenaan.

Risiko yang tidak dapat ditolak juga adalah, pengisytiharan satu Syawal yang dilakukan sehari lebih awal dari tarikh yang dijangkakan yang mana perkara ini telah pun berlaku pada tahun 2022, sehingga menyaksikan umat Islam menjadi kelim-kabut untuk menunaikan Zakat Fitrah. Insiden pada tahun 2022 yang lalu menyaksikan saluran bayaran Zakat Fitrah melalui atas talian (online) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjadi terlalu sesak (jammed) sehingga tidak mampu lagi menampung jumlah kemasukan untuk pembayaran .

Akibatnya, ada umat Islam yang melakukan pembayaran Zakat Fitrah secara semberono, malah ada yang tidak menunaikannya kerana tidak



sempat dan termasuklah melakukan pembayaran ke aplikasi atas talian dari luar negeri Selangor. Laporan unjuran LZS berkenaan insiden berkenaan ada menganggarkan bahawa anggaran Zakat Fitrah yang mengalir ke tempat lain ketika itu adalah sekitar RM2 juta. Perkara ini dapat dihindari jika kita menunaikan Zakat Fitrah lebih awal. Ingatlah bahawa Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Barangsiapa yang mengeluarkannya (Zakat Fitrah) sebelum solat (sunat Aidul Fitri), maka ia merupakan zakat yang diterima dan barangsiapa yang mengeluarkannya sesudah solat (sunat Aidul Fitri), maka ia (pahalanya) merupakan satu sedekah daripada sedekah-sedekah (sedekah biasa).”

(Riwayat Abu Daud, Ibn Majah dan al-Daraqutni).

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Zakat Fitrah itu apabila ditunaikan dengan penuh kefahaman, maka ia dapat membantu kita untuk mencapai darjat takwa dalam berpuasa sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 183. Ini kerana, antara bukti seseorang itu sudah mencapai darjat takwa ialah, dia menjadi sangat suka melakukan ketaatan dan amat takut melakukan kemaksiatan.

Bukti seseorang itu sangat suka kepada ketaatan dapat dilihat kepada sikapnya dalam memberikan sedekah, menyantuni fakir, miskin, muallaf dan mereka yang memerlukan. Bukti seseorang itu amat takut melakukan maksiat juga dapat dilihat apabila dia sangat menjaga ibadah wajib seperti Zakat Fitrah dan Zakat Harta, takut mengambil hak orang lain yang ada di



dalam hartanya dan kluatir membiarkan saudara seagamanya terlantar, melarat dan menderita.

Atas dasar itulah Rasulullah SAW menyatakan bahawa, sedekah (termasuklah zakat) itu adalah bukti keimanan seseorang itu kepada Allah SWT, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Malik al-Asy'ari Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَاةُ نُورٌ، وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ، وَالْقُرْآنُ
حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ

"Solat adalah cahaya, sedekah (termasuk zakat) adalah bukti, sabar adalah sinaran, dan al-Quran menjadi pembelamu atau sebaliknya, menjadi penuntutmu."

(Riwayat Muslim).

Imam Al-Nawawi Rahimahullah di dalam mensyarahkan hadis ini menyatakan, dinamakan sedekah itu kerana ia mempunyai satu akar kata yang sama dengan perkataan "al-Sidqu", yang bermakna jujur, sehinggalah sedekah itu dapat menunjukkan kejujuran iman seseorang itu, dan inilah 'bukti' yang dimaksudkan itu. Beliau menyatakan dalam kitab Syarah Muslim: "Sedekah adalah dalil atas kebenaran keimanan seseorang. Itulah mengapa dinamakan sedekah kerana (sedekah itu) menunjukkan jujurnya keimanan seseorang dan bukti kuatnya keyakinan seseorang itu."

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Apakah yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada mereka yang sentiasa beriltizam melaksanakan tuntutan sedekah, termasuklah Zakat Fitrah ini?



Lihatlah, Allah SWT telah menjanjikan kepada kita sebuah hadiah yang sangat istimewa di syurga, iaitu sebuah rumah yang boleh dipandang secara tembus mata, ibarat rumah kaca yang sangat indah.

Hadis daripada Ali bin Abi Talib Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya di dalam syurga terdapat bilik-bilik yang (tembus penglihatan), luarnya dapat dilihat dari dalamnya, dan dalamnya dapat dilihat dari luarnya. (Kemudian) berdirilah seorang Arab badui lantas bertanya: Kepada siapakah (bilik itu disediakan) wahai Rasulullah?" Baginda SAW menjawab: "Bagi mereka yang berkata baik, memberi makan (termasuklah menunaikan zakat fitrah), rajin berpuasa dan mengerjakan solat kerana Allah di malam hari di saat manusia lain sedang terlena."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi).

Lihatlah janji Allah SWT kepada orang-orang yang berpuasa dan memberi sedekah yakni memberi makan kepada orang lain, disediakan bagi mereka hadiah yang sangat istimewa, yang jika di dunia sudah pasti menjadi kemegahan yang tiada taranya. Demikianlah betapa zakat fitrah dapat melengkapkan puasa kita, dan menjadi penanda aras tahap keimanan kita.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sebelum mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa zakat fitrah adalah ibadah yang menyempurnakan ibadah puasa dalam mencapai sifat takwa.



2. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat fitrah mengikut kemampuan diri, iaitu memilih harga fitrah yang sepatutnya bagi diri mereka dan menunaikannya lebih awal untuk mengelakkan risiko terlupa dan kesibukannya di saat akhir.

3. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat fitrah dan zakat harta menerusi LZS kerana telah terbukti mereka berjaya menguruskannya dengan baik kepada asnaf yang berhak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ
أَنْفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ
فَإِن لَّمْ يُمْسِكْهَا وَابِلٌ فَطُلَّتْ وَأَلَّفُ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

“Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali lipat. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai). Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu perbuat.”

(al-Baqarah : 265).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالْتَوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكَوْ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٣١﴾.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.